

NO. SOALAN: 318

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

RUJUKAN : 8030

SOALAN:

Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah semua lokap-lokap di seluruh negara telah dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV). Berapakah kos yang terlibat, jumlah kamera yang diguna dan berapakah kamera yang berfungsi dan tidak berfungsi.

JAWAPAN:

Ketika ini, hanya terdapat 414 daripada 730 lokap polis di seluruh Negara telah dilengkapi dengan Kamera Litar Tertutup (CCTV). Baki 316 lokap polis yang tidak dilengkapi dengan CCTV merupakan lokap yang tidak aktif dan tidak digunakan. Setakat Disember 2014, kos yang terlibat untuk CCTV yang perlu dibaikpulih, pasang baru dan sewa bagi lokap-lokap aktif adalah sebanyak RM6.3juta. Kos ini tidak termasuk kos pembaikan kecil dan kontrak penyenggaraan yang dibelanjakan oleh Kontinjen-kontinjen melalui Anggaran Belanjawan Mengurus masing-masing. Adalah dianggarkan sebanyak 4,900 unit kamera telah dipasang di 414 lokap di seluruh Negara yang mana semua kamera yang dipasang dilaporkan masih berfungsi.

Usia CCTV yang dipasang di lokap-lokap polis seluruh Malaysia adalah dari 1 hingga 14 tahun. Kebanyakan CCTV yang dipasang dilengkapi dengan kamera, alat perakam, monitor dan UPS (*Uninterruptable Power Supply*).